



Lembaga **Kebudayaan**
Negeri Sabah

Inventori Budaya Etnik Sabah

ETNIK MURUT KOLOR

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan
Alam Sekitar Sabah

Etnik dan Kesimpulan. Walau bagaimanapun, setiap Persatuan atau Badan yang terlibat digalakkan untuk menambah aspek budaya yang tidak tersenarai.

Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah: Etnik Murut Kolor secara ringkas memaparkan pelbagai aspek budaya yang masih diamalkan oleh Etnik Murut Kolor di beberapa buah kampung di kawasan daerah Tenom. Oleh kerana Inventori Budaya Etnik tidak membincangkan secara mendalam setiap aspek budaya yang direkod dan didokumentasikan, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah amat berharap agar lebih banyak kajian lanjut dapat dibuat pada masa akan datang terutama kajian-kajian berbentuk ilmiah.

Akhir sekali, saya bagi pihak warga Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah: Etnik Dumpas khususnya kepada Yang Berbahagia Puan Sinimpung Ganjau Ketua Penyelidik dan Jawatankuasa Kumpulan Penyelidik, semua penduduk daerah Tenom serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung, orang-orang perseorangan atau kumpulan yang telah turut menyumbang menjayakan Inventori Budaya Etnik Murut Kolor sehingga berjaya diterbitkan. TAHNIAH.

Mackey Apison

Pengurus Besar

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah

KANDUNGAN

Prakata		i
Bab 1	Pendahuluan	1
Bab 2	Latar Belakang Etnik, Tempat dan Sejarah	3
Bab 3	Aktiviti Sosioekonomi	9
Bab 4	Sastera Lisan Turun-Temurun	18
Bab 5	Adat Resam Turun-Temurun	22
Bab 6	Kepercayaan dan Amalan	29
Bab 7	Alat Muzik dan Tarian Tradisional	37
Bab 8	Pakaian Tradisional dan Aksesori	42
Bab 9	Adat Perkahwinan	54
Bab 10	Seni Bina Rumah Dan Kraf Tangan	63
Bab 11	Makanan Tradisional	79
Bab 12	Permainan Tradisional Dan Sukan Rakyat	84
Bab 13	Perayaan-Perayaan Dalam Komuniti	86
Bab 14	Perubatan Tradisional Dan Amalan Tradisi	90
Bab 15	Struktur Sosial Masyarakat	95
Bab 16	Nyanyian Rakyat	98
Bab 17	Daftar Bahasa Etnik	102
Bab 18	Kesimpulan	104

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Inventori Budaya Etnik Murut Kolor adalah salah satu usaha untuk merekod dan mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan etnik Murut Kolor di negeri Sabah. Usaha ini dilakukan demi untuk memelihara, memulihara dan memartabatkan budaya kehidupan etnik Murut Kolor.

Inventori budaya ini merupakan hasil kajian yang diusahakan oleh Puan Sinimpung Ganjau yang bernaung di bawah Persatuan Murut Sabah (PMS) dan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah.

1.1 Objektif

Objektif Inventori Budaya Etnik Murut Kolor ialah seperti berikut:

- i. Menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya;
- ii. Menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya etnik Murut Kolor.
- iii. Memberi peluang kepada persatuan dan orang perseorangan untuk menyumbangkan dan mengetengahkan idea mengenai maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya yang dimiliki oleh etnik Murut Kolor.
- iv. Menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah; dan,

- v. Menyediakan rujukan budaya etnik Murut Kolor untuk kegunaan rujukan budaya etnik-etnik di negeri Sabah.

1.2 Metodologi Inventori Budaya Etnik

Inventori budaya etnik ini adalah berasaskan kepada maklumat yang dikumpulkan melalui usaha Puan Sinimpung Ganjau dengan sendirinya. Metodologi yang digunakan melibatkan kajian bertulis, temu bual dan lawatan lapangan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Inventori Budaya Murut Kolor yang dibentuk. Inventori budaya etnik ini diusahakan sendiri oleh para pengkaji daripada Murut Kolor yang ditaja dan diselia oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Inventori budaya ini telah dijalankan selama lebih kurang enam (6) bulan pada tahun 2018. Pelaksanaan kajian inventori budaya ini telah menghadapi beberapa limitasi seperti kekangan masa yang singkat, kekurangan tenaga pengkaji, kewangan dan kakitangan yang berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan temu bual dengan informan.

BAB 3

AKTIVITI SOSIOEKONOMI

3.1 Pengenalan

Sebahagian besar etnik Murut Kolor di daerah Kemabong dan Tenom adalah petani. Selain daripada kegiatan pertanian, segelintir dari mereka juga terlibat dengan aktiviti menangkap ikan di Sungai Padas, memburu dan memungut hasil hutan. Seiring dengan pembangunan ekonomi yang semakin bertambah baik, generasi muda etnik Murut Kolor turut mencapai kemajuan dalam bidang kerjaya. Tidak hairanlah semakin ramai dalam kalangan generasi muda etnik Murut Kolor berjaya memegang pelbagai jawatan dalam jabatan kerajaan atau swasta pada masa kini. Di samping itu, generasi muda dalam kalangan etnik Murut Kolor juga semakin ramai yang berjaya dalam bidang pendidikan sehingga ke menara gading. Bab ini akan menjelaskan aktiviti sosioekonomi etnik Murut Kolor.

3.2 Pertanian

Majoriti etnik Murut Kolor di daerah Kemabong dan Sipitang terlibat dalam aktiviti-aktiviti pertanian khususnya penanaman getah, pisang dan padi sama ada padi sawah atau padi bukit. Kawasan aktiviti pertanian terletak di Kampung Bamban, Kampung Mandalom Lama, Kampung Ulikon, Kampung Maligan dan Kampung Solob di Sipitang.

Getah merupakan tanaman utama bagi etnik Murut Kolor. Penanaman getah biasanya ditanam secara kecil-kecilan sahaja bergantung kepada keluasan tanah yang dimiliki. Penanam getah hanya mengusahakan kebun getah untuk menampung keperluan harian perbelanjaan keluarga sahaja. Hasil getah biasanya dijual di Lembaga Tabung Getah Tenom atau agen-agen yang membeli getah.

Aktiviti penanaman padi juga diusahakan untuk keperluan sendiri sahaja. Selain daripada padi, ubi kayu juga merupakan sumber makanan utama etnik Murut Kolor. Makanan yang dihasilkan daripada ubi kayu dikenali sebagai *eluae/lahi* (sagu) dalam bahasa Murut Kolor. Penanaman ubi kayu masih giat dijalankan sehingga kini untuk menampung sumber makanan dan menjana pendapatan sampingan mereka.



Menoreh getah merupakan salah akitiviti ekonomi etnik Murut Kolor

BAB 4

SASTERA LISAN TURUN-TEMURUN

4.1 Pengenalan

Bab ini memperkenalkan tentang sastra lisan turun-temurun etnik Murut Kolor yang sangat penting dalam kebanyakan aspek kehidupan mereka. Sastra lisan atau *kakatir* dalam bahasa Murut Kolor, merangkumi puisi rakyat yang dilagukan, dihafal dan diperturunkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain secara lisan tanpa ada rekod secara bertulis. Bab ini akan menerangkan sastra lisan etnik Murut Kolor.

4.2 Kakatir

Kakatir merupakan cerita yang digunakan sebagai hiburan untuk mengisi masa lapang. *Kakatir* biasanya mempunyai nilai-nilai pengajaran yang berguna kepada pendengarnya.

4.2.1 Kakatir *Pompelok am e Batol*

Pompelok am e Batol antalaagh, "Aguyuh toh irus, auh pagulu oyon toh". Konoh rih *Pompelok*. Agindikut rah umoh. Tanga orow aitol iloh. "Irus muoi auh poh angansak ritoh", "wah"., konoh ri *Batol*. Pangkatu ioh rah umbus nuh iluie, sansamo noh, pa muvul ioh rah bulu ruh iku, solovo noh, saangi noh ra umbus. Nopongoh ioh angansak ipagih noh e *Batol* angakan. "Uli irus aun pinanyaang mu rah umbus mutuh? Aamis wah". "Sinaangan ku rah bulu nuh iku ku", konoh rih *Pompelok*.

Nuh suav, "Au oyon toh", "wah", konoh ri *Batol*. Katawang, uoi loh pangindikut rah umoh rih *Batol*. Tanga orow muoi auh angansak ritoh am irus. "wah". Konoh rih *Pompelok*. Uli e *Batol* uoi pangasak, Pangkatu oyoh ra umbus, sansamo noh

BAB 5

ADAT RESAM TURUN-TEMURUN

5.1 Pengenalan

Etnik Murut Kolor mempunyai adat resam, kepercayaan dan amalan yang digunapakai dalam masyarakat bagi menjaga keharmonian dan juga dijadikan sebagai garis panduan untuk mematuhi nilai-nilai masyarakat yang telah ditetapkan. Bab ini akan menjelaskan adat istiadat turun-temurun yang diamalkan oleh etnik Murut Kolor pada zaman dahulu sehinggalah kini.

5.2 Adat Kematian

Pada zaman dahulu sebelum masuknya pengaruh agama seperti Islam dan Kristian dalam kalangan etnik Murut Kolor, mereka mempunyai adat tertentu untuk mengurus kematian. Sekiranya berlaku kematian, gong akan dipalu dengan paluan khas untuk memaklumkan kematian tersebut kepada ahli keluarga dan penduduk kampung yang berhampiran. Nama paluan gong tersebut dikenali sebagai *taliwi*.

Bentuk paluan gong *taliwi* adalah berlainan dengan paluan gong untuk acara keramaian. Bunyi paluan *taliwi* dapat dikenali kerana gong akan dipalu bertalu-talu. Orang ramai akan dapat mengetahui jantina si mati melalui jumlah paluan gong. Hal ini demikian kerana, terdapat perbezaan jumlah paluan yang dilakukan mengikut jantina si mati. Jika si mati adalah lelaki, paluan gong akan berakhir dengan satu kali paluan sahaja, tetapi sekiranya si mati adalah perempuan, gong akan dipalu sebanyak dua kali semasa paluan terakhir.

BAB 6

KEPERCAYAAN DAN AMALAN

6.1 Pengenalan

Etnik Murut Kolor mempunyai sistem kepercayaan dan amalan tersendiri sama seperti etnik-etnik lain. Pada zaman dahulu etnik Murut Kolor berpegang kepada amalan animisme yang diwarisi dari nenek moyang. Pandang dunia dan sistem kepercayaan mereka banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan kuasa spritual. Bab ini akan menjelaskan sistem kepercayaan dan amalan etnik Murut Kolor.

6.2 Agama dan Kepercayaan Etnik Murut Kolor

Etnik Murut Kolor pada masa dahulu secara keseluruhannya tidak mempunyai agama tetapi mereka percaya adanya Tuhan yang mereka namakan sebagai Aki Kaulung. Mereka percaya bahawa roh, semangat dari benda-benda dan tumbuh-tumbuhan dan hidupan adalah ciptaan Aki Kaulung (Tuhan). Mereka juga mempunyai beberapa adat tradisional yang masih diamalkan sehingga kini. Walaupun, pada masa kini ramai dalam kalangan masyarakat etnik Murut Kolor telah menganuti agama Islam dan Kristian, namun mereka tetap menghormati dan memelihara adat, budaya dan kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang sejak dari dulu lagi. Namun demikian, adat yang bercanggah dengan ajaran agama yang mereka anuti tidak lagi diamalkan.

6.3 Kepercayaan Terhadap *Ulung Buayo*

Ulung Buayo adalah replika buaya yang diperbuat daripada tanah. Replika tersebut melambangkan kekuatan atau kemegahan seseorang kerana buaya merupakan satu

binatang yang boleh hidup dalam dua alam iaitu di darat dan sungai. Menurut kepercayaan etnik Murut Kolor *ulung buayo* diumpamakan sebagai musuh. Semasa majlis *agulung rah buayo* berlangsung mereka yang berjaya pulang dengan membawa kejayaan dalam peperangan akan menunjukkan kekuatan mereka dengan menetak belakang replika buaya tersebut, sambil menjerit melaungkan nama mereka dengan sekuat hati.



Replika ulung buayo

BAB 7

MUZIK DAN TARIAN TRADISIONAL

7.1 Pengenalan

Muzik dan tarian tradisional merupakan salah satu komponen budaya yang menjadi identiti bagi sesuatu etnik. Bab ini akan menjelaskan muzik dan tarian tradisional etnik Murut Kolor.



Gambar penari etnik Murut Kolor



Pemalu gong

7.3 Alat Muzik Tradisional

Apung/tawak (gong) merupakan peralatan muzik tradisional yang sangat penting bagi etnik Murut Kolor kerana mempunyai fungsi dan peranan yang tersendiri dalam kehidupan etnik Murut Kolor. Selain itu, *tawak* juga mempunyai nilai yang sangat tinggi dan merupakan harta yang sangat berharga bagi etnik Murut Kolor. Sejak dari masa dahulu sehinggalah kini, gong biasanya diwariskan daripada satu generasi ke satu generasi dan tidak boleh dijual. Antara fungsi gong bagi etnik Murut Kolor adalah sebagai *berian* dan merupakan hantaran wajib yang perlu ada jika seseorang ingin berkahwin dengan perempuan etnik Murut Kolor. Gong dianggap sebagai salah satu *pulut* atau *berian* yang sangat penting.

Paluan gong etnik Murut Kolor dikenali sebagai *batutung* yang selalu dimainkan untuk mengiringi tarian *angalang*. Tarian tersebut biasanya dipersembahkan ketika majlis-

BAB 8


PAKAIAN TRADISI DAN AKSESORI

8.1 Pengenalan

Etnik Murut Kolor merupakan salah satu subetnik Murut yang unik kerana mereka bukan sahaja mempunyai kepelbagaian kesenian yang diwarisi secara turun-temurun tetapi juga mempunyai pelbagai jenis pakaian tradisi dan aksesori yang tersendiri.

8.2 Jenis-Jenis Pakaian Etnik Murut Kolor

Terdapat beberapa jenis pakaian etnik Murut Kolor yang digunakan di dalam majlis perkahwinan atau acara-acara keramaian untuk persembahan. Di samping itu, terdapat juga pakaian tradisi etnik Murut Kolor yang diperbuat daripada kulit kayu. Walau bagaimanapun, pakaian jenis tersebut semakin jarang dijumpai kerana orang muda zaman sekarang tidak lagi berminat mewarisi kepakaran untuk membuatnya.



Sulou adalah gelang tangan yang diperbuat daripada tulang binatang

8.5 Penutup

Etnik Murut Kolor mempunyai pakaian tradisional yang unik kerana corak-corak yang disulam menggunakan manik mempunyai nama dan maksud yang tersendiri dan tersirat. Ciri-ciri tersebut membuatkan etnik Murut Kolor kaya dengan kebudayaan mereka yang tersendiri. Dari segi aksesori pula, mereka menggunakan peralatan di sekeliling mereka seperti duit syiling. Namun demikian, benda-benda tersebut semakin jarang diperolehi pada masa kini. Secara keseluruhannya pakaian tradisi etnik Murut Kolor sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan pakaian tradisional Murut "Tahol" dan etnik "Lundayeh". Perkaranya tersebut dipengaruhi oleh faktor kahwin campur di antara etnik Murut Tahol dan etnik Lundayeh pada zaman dahulu sehingga kini.

BAB 9

ADAT PERKAHWINAN

9.1 Pengenalan

Adat perkahwinan dalam kalangan etnik Murut Kolor diberi kedudukan yang penting dan sangat diutamakan. Perkahwinan dianggap sebagai sesuatu yang suci iaitu penyatuan di antara lelaki dan perempuan sebagai suami isteri yang sah mengikut adat. Oleh itu, setiap adat yang telah ditetapkan dan diamalkan oleh anggota masyarakat hendaklah dipatuhi. Adat perkahwinan etnik Murut Kolor melibatkan beberapa peringkat yang harus dipatuhi bermula dari *pamalaan* (merisik), *antamung* (pertunangan), *ansakoi* (hari perkahwinan) yang akan dihuraikan dalam bab ini.

9.3 Pamalaan (Merisik)

Langkah pertama untuk mengikat tali perkahwinan dimulakan dengan pihak lelaki melakukan adat *pamalaan* (merisik). Mengikut adat etnik Murut Kolor, *pamalaan* dilakukan oleh seorang atau dua orang sebagai orang tengah yang dikenali sebagai *angkayunan*. Biasanya *angkayunan* terdiri daripada kawan-kawan atau saudara-mara yang amat dipercayai oleh pihak lelaki untuk menyampaikan hajat besar tersebut kepada pihak perempuan. Pada zaman dahulu jodoh adalah atas pilihan kedua-dua ibu bapa pasangan. Semasa merisik, *angkayunan* biasanya membawa kain sarung untuk diberi kepada pihak perempuan. Sekiranya lamaran ditolak maka kain sarung tersebut perlu dikembalikan. Jika risikan tersebut diterima, *angkayunan* akan berbincang dengan pihak perempuan untuk menentukan tarikh peringkat yang seterusnya iaitu *antamung*.

BAB 10

SENI BINA RUMAH DAN KRAF TANGAN

10.1 Pengenalan

Seni bina rumah dan kraf tangan merupakan salah aspek budaya yang menjadi salah satu identiti kepada sesuatu etnik di negeri Sabah. Etnik Murut Kolor juga mempunyai ciri-ciri seni bina rumah dan kraf tangan yang tersendiri dan unik. Bab ini akan menerangkan seni bina rumah dan kraf tangan etnik Murut Kolor.

10.2 Seni Bina Rumah Tradisi Etnik Murut Kolor

Etnik Murut Kolor pada zaman dahulu mempunyai kemahiran yang tersendiri dalam membina rumah. Mereka menggunakan bahan-bahan semula jadi yang terdapat di kawasan sekitar untuk membuat rumah. Di samping itu, etnik Murut Kolor pada zaman dahulu juga merupakan salah satu etnik yang tinggal di rumah panjang atau dikenali sebagai *pahun mayoh*. Rumah tersebut diperbuat daripada bahan-bahan yang terdapat di persekitaran mereka seperti bambu, kayu bulat, daun rumbia, daun *talirus* dan juga batang *bubutan*. Walau bagaimanapun, seiring dengan perubahan masa kebanyakan etnik Murut Kolor menggunakan bahan binaan rumah moden sesuai dengan bentuk seni bina rumah pada masa kini.

Rumah Panjang tersebut biasanya dilengkapi dengan satu ruang khas yang dikenali sebagai *lansaran* sebagai tempat berhibur kepada penghuninya. Terdapat keunikan seni bina di bahagian lantai *lansaran* yang boleh dilonjak sehingga ke paras yang tinggi untuk mencapai benda-benda yang digantung di atas. Rumah kebudayaan atau rumah *lansaran* ini biasanya dihiasi dengan motif yang mempunyai nama dan maksud tertentu. *Salogh* (ruang tamu) adalah satu

bahagian yang sangat penting bagi rumah tradisi etnik Murut Kolor. Hal ini demikian kerana, *salogh* merupakan ruang atau tempat tuan rumah melayan tetamu dan bersantai dengan penghuni rumah tersebut.



Rangka rumah tradisi etnik murut kolor



Hiasan motif yang terdapat di rumah tradisi etnik Murut Kolor

BAB 11

MAKANAN TRADISIONAL

11.1 Pengenalan

Seperti etnik-etnik lain yang terdapat di negeri Sabah, etnik Murut Kolor juga mempunyai makanan tradisional tersendiri. Sebahagian besar bahan makanan mereka mudah diperolehi daripada kawasan sekitar. Bab ini akan menjelaskan makanan tradisional etnik Murut Kolor.

11.2 *Linopot*

Bahan-Bahan

- Beras
- Air
- Daun pisang
- Daun *ikik*

Cara-Cara Penyediaan

1. Cuci beras sehingga bersih kemudian masukkan air.
2. Jumlah air yang diperlukan untuk memasak nasi hendaklah melebihi kuantiti beras.
3. Masak nasi dengan api yang sederhana supaya mudah digaul dengan sehati.
4. Sebaik sahaja nasi telah masak, bungkus dengan daun pisang atau *ikik*.
5. Apabila nasi telah menjadi sejuk sedikit barulah dihidang.



Gambar makanan *linopot*

11.3 *Lahi*

Bahan-bahan

- *Lahi*/eluie (Ubi kayu)
- Air
- Alat memarut *kikil*
- *Saringan pipisakan*

Cara-Cara Penyediaan

1. Tuang air ke dalam periuk sampai mendidih.
2. Bancuh *lahi* (sagu ubi) dengan air hingga sehati.
3. Tuang *lahi* ke dalam air yang sedang mendidih.
4. Gaul *lahi* sehingga sehati.
5. Sedia untuk dihidang.